

Kurangkan Kos, Elak Pertindihan Tugas dengan JPJ

SPAD Tukar Jadi APAD

Putrajaya: Kementerian Pengangkutan akan menubuhkan sebuah Jabatan baharu iaitu Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) bagi menggantikan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) yang bakal dibubarkan. Menteri Pengangkutan, Anthony Loke Siew Fook berkata, langkah tersebut merupakan antara pelan penstruktur semula suruhanjaya tersebut bagi mengurangkan kos dan memastikan tiada pertindihan tugas dengan jabatan lain terutamanya Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). “dari segi penguatkuasaan serta pengeluaran lesen dan permit akan dikendalikan oleh JPJ sepenuhnya. Selepas pelaksanaan penstruktur semula,tiada lagi kaunter berasingan, hanya satu kaunter iaitu kaunter JPJ di semua tempat.

“Sebarang permohonan dan pembayaran lesen serta permit sama ada melibatkan kenderaan pemerdagangan dan swasta perlu dibuat melalui kaunter JPJ,” katanya dalam sidang akhbar di sini, hari ini. Menurut Anthony, peranan SPAD sebelum ini yang terlibat dari segi perancangan dan pembangunan sektor awam darat akan dikekalkan. Dalam pada itu, Anthony berkata, buat masa ini, fungsi APAD akan berjalan seperti biasa termasuk melibatkan urusan penguatkuasaan dan saman sehingga dibubarkan dalam sidang Dewan rakyat pada bulan hadapan. Mengulas lanjut, katanya dalam pelan penstruktur semula itu juga, tiga undang-undang akan dimansuhkan dan dipinda.

“Sebagai hala tuju pembubaran SPAD ini, Akta 714, Akta SPAD 2010 akan dimansuh manakala Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 (Akta 715) dan Akta Pengangkutan Jalan 1987 akan dipinda,” katanya. Mengulas lebih lanjut, katanya, menerusi penstruktur semula itu juga, Jawatan Pengerusi dan Lembaga Pengarah SPAD akan dimansuhkan manakala jawatan Ketua Pegawai Eksekutif SPAD ditukar kepada ketua pengarah Jabatan. Sementara itu, Anthony turut mengumumkan Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) yang sebelum ini berada dibawah Jabatan Perdana Menteri akan diletakkan dibawah Kementeriannya. Walau bagaimanapun , beliau berkata, struktur dan akta dibawah lembaga tersebut masih kekal seperti biasa.

SUMBER: UTUSAN MALAYSIA | M/S: 6 | 7 JUN 2018